

BAB KEEMPAT

BAB KEEMPAT

Kesimpulan Dan Penutup

4.1. Al-Qira'at Sesuai Dikembangkan Di Malaysia

Malaysia adalah merupakan sebuah negara yang terletak di Tenggara Asia. Penduduknya terdiri daripada berbilang-bilang kaum iaitu Melayu, Cina, India dan sedikit kaum-kaum yang lain. Ugama rasmi yang tertulis di dalam perlembagaan ialah ugama Islam. Islam datang ke Alam Melayu pada abad pertama hijrah. (Ahmad Syalabiy (Dr), 1983M, Jilid 8, ms : 450)

Orang-orang Islam di Malaysia sangat kuat berpegang dengan ajaran Islam. Mereka mendedahkan pengajian Islam kepada anak-anak mereka sejak dari kecil lagi. Contohnya dalam pembelajaran Al-Qur'an, jika ibubapa tidak mampu mengajar anak-anak mereka membaca Al-Qur'an, mereka akan menghantar anak-anak mereka ke rumah ustaz-ustaz atau ustazah-ustazah yang dapat mendidik anak mereka membaca Al-Qur'an. Kesimpulanya anak-anak umat Islam di Malaysia ini kebanyakannya dapat membaca Al-Qur'an sejak dari kecil lagi.

Jika diteliti tentang pembacaan Al-Qur'an di Malaysia kita hanya dapat mendengar satu jenis bacaan (qira'at) sahaja, sedangkan bacaan-bacaan (qira'at) yang lain kita tidak pernah didengar langsung, seolah-olah bacaan Al-Qur'an hanya satu cara bacaan sahaja. Jika ada orang lain membaca Al-Qur'an dengan bacaan yang berlainan

daripada apa yang dibaca oleh mereka, tentulah mereka menganggap bahawa bacaan itu salah.

Sekiranya kita ke Timur Tengah seperti Mesir, Saudi, Syria, Sudan dan lain-lain negeri lagi, kita akan merasai bahawa Al-Qur'an itu boleh dibaca dengan beberapa cara atau gaya, sehingga ianya boleh dibaca sampai tujuh huruf, seperti mana Rasulullah s.a.w bersabda :

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ
نَزَّلَ الْقُرْآنَ عَلَى سَبْعَةِ أَحْرَفٍ أَيْهَا قَرَأْتَ اصْبِرْ

(Al-Hamidiy, Abi Bakr Abdullah bin Al-Zubayr, Tanpa Tarikh, Jilid 1, ms : 163)

Ertinya : **Rasulullah s.a.w bersabda : Al-Qur'an itu diturunkan dengan tujuh huruf, mana satu huruf yang engkau baca adalah dikira benar.**

Kita harus faham bahawa tujuannya Al-Qur'an ini dibenarkan ianya dibaca dengan beberapa bacaan sehingga sampai kepada tujuh huruf adalah untuk memberi kerahmatan dan kelonggaran kepada umat Muhammad s.a.w yang merupakan umat yang terakhir.

Para Rasul dan Nabi sebelum Nabi Muhammad s.a.w hanya diutuskan kepada kaum-kaum mereka sahaja sedangkan Nabi Muhammad s.a.w adalah merupakan Nabi dan Rasul yang terakhir diutuskan kepada sekalian umat atau keseluruhan kaum yang terdapat di dunia ini, dalilnya firman Allah s.w.t

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

(Al-Anbiya' : 107)

Ertinya: **Dan tidak kami utuskan engkau (hai Muhammad) kecuali untuk memberi rahmat bagi semesta alam.**

Dengan ertikata yang lain bahawa tugas Rasulullah s.a.w ini adalah merupakan tugas yang paling berat dan mencabar sekali jika dibandingkan dengan Nabi-Nabi dan Rasul-rasul sebelumnya.

Jmat Nabi Muhammad s.a.w terdiri daripada berbagai-bagai bangsa dan dialek, tentulah mereka ini akan menghadapi permasalahan yang besar jika Al-Qur'an ini diturunkan dengan satu huruf sahaja. Setiap bangsa itu mempunyai dialek tertentu dan menjadi sukar kepada mereka untuk mengubahkan sebutan yang pernah menjadi kebiasaan kepada mereka kepada sebutan yang lain. Ini menjadi satu perkara mustahil dan susah kepada kebanyakan mereka untuk mengubahnya walaupun dengan cara belajar. Itulah sebabnya Rasulullah s.a.w sentiasa bermohon kepada Allah s.w.t agar memberi kerahmatan dan kelonggaran kepada umatnya di dalam pembacaan Al-Qur'an serta memahami isi kandongannya.

Jikalau dilihat di dalam kontek ini Malaysia adalah merupakan sebuah negara yang terdiri daripada berbilang-bilang bangsa dan bahasa. Sagitu juga dengan hal rumoun bangsa Melayu yang terdiri daripada berbagai suku seperti Bugis Banjar, Jawa, Aceh dan lain-lain lagi dan setiap suku ini mempunyai dialek-dialek mereka tersendiri. Suasana yang ada di Malaysia seolah-olah menyerupai suasana yang wujud di zaman Rasulullah s.a.w ketika itu.

Berdasarkan daripada perkara yang disebutkan tadi, maka tidaklah bogik sekiranya bacaan Al-Qur'an di Malaysia ini digunakan dengan satu bacaan sahaja Ini akan menyusahkan umat Islam di Malaysia yang terdiri daripada berbagai-bagai bangsa , suku dan dialek untuk

mempelajari Al-Qur'an serta memahami isi kandungannya. Sapertimana yang diketahui bahawa bacaan Al-Qur'an di Malaysia hanya mengikut satu qirā'at sahaja iaitu qirā'at 'Āsim.

Jikalau kita renungi di dalam bab ketiga didapati bahawa orang-orang arab sendiri yang terdiri daripada berbagai-bagai qabilah dan dialek pun tidak mampu hendak menyebut perkataan-perkataan dan huruf-huruf abjad arab. Bagaimanakah pula dengan orang-orang yang bukan arab? Tentulah menjadi lebih susah lagi terutamanya orang-orang di Malaysia yang tidak pernah menyebut huruf-huruf tersebut.

Di antara huruf-huruf abjad arab yang menjadi susah untuk disebut oleh orang-orang yang bukan arab ialah huruf ṭa' (ط), dad (ض), sad (ص), za' (ظ), kha' (خ), ghyn (غ), ha' (ح) dan ayn (ع). Di samping itu juga mereka susah hendak membezakan sebutan di antara huruf (ط) dengan huruf (ت), huruf (ض) dengan huruf (د), huruf (ص) dengan huruf (س), huruf (ذ) dengan huruf (ظ), huruf (ه) dengan huruf (ح), huruf (ع) dengan huruf (ق), huruf (ك) dengan huruf (ح). Contoh kebanyakan orang Malaysia membaca surah Al-Fatiha, ayat 5 "اَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ" mereka akan mengujar atau menyebut huruf (ه) seperti huruf (ح), huruf (ط) seperti huruf (س), huruf (ق) seperti huruf (ك) dan huruf (ص) seperti huruf (س). bacaannya adalah sādemikian ". Ini adalah di sebabkan huruf-huruf abjad tersebut jarang digunakan di dalam Bahasa Malaysia dan ada setengahnya pula tidak terwujud di dalam bahasa kita.

Sekiranya Al-Qira'at ini dikembangkan di Malaysia, ini akan memudahkan lagi rakyat Malaysia di dalam pembelajaran Al-Qur'an. Mereka boleh memilih jenis-jenis bacaan yang lebih sesuai dengan

dah mereka. Dengan adanya pilihan bacaan yang banyak ini akan menambahkan lagi minat mereka untuk mempelajari bacaan Al-Qur'an ka dibandingkan dengan satu bacaan sahaja.

Pelajar-pelajar akan merasa bosan jikalau kita hanya memperkenalkan satu bacaan sahaja kepada mereka. Ini merupakan satu paksaan dan bukan pilihan, sedangkan lidah mereka belum pernah menyebut perkataan-perkataan dan huruf-huruf tersebut sebelum ini kerana ia tidak terdapat dalam bahasa ibunda mereka. Ini boleh menjadikan mereka rasa bosan dan jemu serta terus tidak mahu lagi mempelajari bacaan Al-Qur'an kerana menyusahkan mereka. Oleh itu, Al-Qirā'āt ini sangat sesuai sekali jika ianya dapat dikembangkan di Malaysia berdasarkan penduduknya yang terdiri daripada berbilang bangsa, suku dan dialek.

4.2. Al-Qirā'āt Tidak Berkembang Di Malaysia

Perlu diingatkan bahawa Al-Qirā'āt ini bukanlah kesemua orang boleh mempelajarinya dengan mudah. Setiap orang yang ingin mempelajari Al-Qirā'āt mestilah melalui dua syarat iaitu :-

1) Hendaklah mempelajari dan menguasai ilmu tajwid.

2) Hendaklah menghafal Al-Qur'an.

Ini merupakan syarat-syarat biasa yang dikenakan kepada pelajar-pelajar yang ingin belajar Al-Qirā'āt Al-Qur'āniyyat. Andaikata ia tidak mempunyai kedua-dua syarat tersebut, maka ianya tidak dibenarkan belajar Al-Qirā'āt sebab kedua syarat tadi merupakan perkara asas yang bagitu penting sekali.

Di Mesir contohnya, kanak-kanak berumur tujuh tahun dilatih belajar baca Al-Qur'an serta menghafalkannya selama tujuh tahun di peringkat rendah, kemudian barulah mereka ini dimasukkan ke Ma'had Al-Qirā'āt untuk mempelajari ilmu Al-Qirā'āt secara mendalam. Sekolah-sekolah ini ditadbirkan oleh Kementerian Wakaf Mesir.

Di Malaysia ini sepatutnya Pusat Islamlah yang bertanggungjawab memainkan peranan yang lebih berkesan dalam mengembangkan ilmu Al-Qirā'āt ini sapertimana yang telah dilakukan oleh Kementerian Wakaf Mesir dan bukanlah dibebankan kepada badan-badan swasta atau individu-individu tertentu.

Kebanyakan ulamak yang belajar di Timur Tengah di zaman dahulu hanya menumpukan pengajian mereka dalam bidang usuluddin, syariah, hadith, dakwah, tafsir dan bahasa Arab. Tidak ada daripada mereka yang belajar dalam bidang Al-Qirā'āt. Walau bagaimanapun sekarang ini sudah ada yang mengambil bidang ini tetapi bilangannya terlalu kecil sangat jika dibandingkan dengan bidang-bidang yang lain. Apakah sebabnya perkara ini berlaku demikian? Ini disebabkan ulamak-ulamak itu samada dahulu atau sekarang masih menganggap bahawa bidang-bidang lain itu lebih penting lagi daripada bidang Al-Qirā'āt. Bagi orang Malaysia mereka berpendapat bahawa buat masa ini mereka hanya perlu mempelajari ilmu tajwid dan pembacaan Al-Qur'an sahaja sudah mencukupi kerana ini adalah tuntutan agama iaitu fardu 'ain.

Di sini penulis bentangkan beberapa pendapat ulamak-ulamak veteran, ahli-ahli akademik dan guru-guru Ma'had Tahfiz yang mana

penulis sempat menemubual mereka tentang perkembangan Al-Qirā'at di Malaysia.

a) Pedapat ulamak-ulamak veteran

Ulamak-ulamak veteran berpendapat bahawa ilmu Al-Qirā'at ini tidak perlu lagi dikembangkan di Malaysia sekarang ini kerana masih ramai lagi orang kita yang tidak tahu ilmu tajwid dan membaca Al-Qur'ān. Perkara inilah yang perlu ditekankan terlebih dahulu kerana ianya merupakan fardū 'ain iaitu setiap orang muslim wajib mengetahuinya, jika tidak mereka berdosa. Di samping itu juga mereka mesti mengetahui tentang aqidah, fiqah, tafsir dan lain-lain lagi yang ada hubungan dengan agama. Perkara-perkara yang seperti inilah perlu diselesaikan terlebih dahulu. Sekiranya Qirā'at ini dibacakan pada masyarakat umum, tentulah ia mendatangkan fitnah serta mereka akan menyalahkan pembacanya. Ini akan menimbulkan perbalahan dan membawa kepada perpecahan di dalam masyarakat Islam.

b) Pendapat ahli-ahli akademik

Ahli-ahli akademik pula berpendapat bahawa Al-Qirā'at ini tidak dapat berkembang di Malaysia disebabkan ulamak-ulamak sebelum ini tidak pernah mendedahkan kepada masyarakat tentang wujudnya Al-Qirā'at. Masyarakat pun tidak mengetahui apa itu Al-Qirā'at? Apa yang ditekankan pembelajaran Al-Qur'ān ialah tajwidnya yang wajib dipelajari oleh orang Islam. Pelajaran tajwid berhubung rapat dengan Al-Qur'ān kerana salah sebutan dan sebagainya mungkin boleh mengubah makna dan mendatangkan dosa kepada pembacanya. Ilmu tajwid ialah ilmu yang membincarakan tentang pengeluaran sebutan

setiap huruf dari makhrajnya (daerah artikulasi) yang betul serta memberi hak sifat yang asli dan hak sifat yang mendatang padanya.

Maksud hak sifat yang asli ialah sifat - sifat yang lazim ada pada huruf itu dan tidak dapat diceraikan, seperti sifat ghunnah (dengung yang lazim ada pada huruf nun dan mim), jahr, syiddah, isti'lā', istifāl dan sebagainya. Maksud hak sifat yang mendatang ialah sifat - sifat yang mendatang timbul daripada hak sifat yang asli seperti sifat tafkhim, timbulnya dari sifat isti'lā', tarqiq timbulnya dari sifat istifāl dan lain-lain lagi. Hukum mempelajari Ilmu Tajwid adalah Fardū Kifayah, dan hukum semasa membaca dengan menggunakan Tajwid adalah Fardū. 'Ain bagi sesiapa yang hendak membaca sesuatu ayat dalam Al-Qur'ān. Matlamat Ilmu Tajwid ialah untuk memelihara lidah daripada kesalahan membaca ayat-ayat suci Al-Qur'ān pada ketika membacanya. Membaca sejajar dengan penurunannya yang sebenar daripada Allah s.w.t. Maka berdosalah pembaca Al-Qur'ān yang tidak mengetahui Ilmu Tajwid ketika membacanya.

Mereka berpendapat juga, sekiranya ilmu syari'ah, usuluddin, tafsir dan lain-lain lagi dapat dikembangkan dengan bagitu baik di pusat-pusat pengajian tinggi di Malaysia, mengapakah ilmu Al-Qirā'āt tidak boleh dikembangkan di pusat-pusat pengajian tinggi? Mereka tidak menafikan bahawa ilmu Al-Qirā'āt ini memanglah tidak boleh dikembangkan pada masyarakat umum kerana ianya merupakan bidang pengkhususan, tetapi bidang ini sangat perlu diwujudkan di pusat-pusat pengajian tinggi kerana ianya merupakan ilmu yang berhubung kait dengan Al-Qur'ān

c) Pendapat Guru-Guru Ma'had Tahfiz

Guru-guru Ma'had Tahfiz berpendapat bahawa ulamak-ulamak Malaysia sekarang ini masih menganggap Al-Qirā'at ini tidak begitu penting bagi masyarakat Malaysia. Mereka menganggap bahawa masyarakat Malaysia hanya perlu mengetahui ilmu tajwid dan mengutamakan belajar membaca Al-Qur'ān sahaja kerana ianya merupakan fardū 'ain. Akibatnya Al-Qirā'at tidak dapat berkembang di Malaysia. Mereka sebagai tenaga pengajar di Ma'had Tahfiz berpendapat bahawa Al-Qirā'at adalah salah satu cabang ilmu Al-Qur'ān yang sangat penting kepada umat Islam di Malaysia yang terdiri daripada berbagai-bagai bangsa dan dialek. Tentulah menjadi satu masaalah yang besar kepada mereka sekiranya didedahkan hanya satu qirā'at sahaja. Berdasarkan inilah, maka ilmu Al-Qirā'at ini sangat perlu dikembangkan di Malaysia terutamanya di pusat-pusat pengajian tinggi.

4.3. Saranan

Di akhir disertasi ini penulis ingin membuat saranan kepada pihak kerajaan Malaysia yang bercita-cita hendak menjadikan Malaysia ini sebagai pusat ilmu atau pusat industri pelajaran di dalam semua bidang termasuklah bidang agama.

Penulis berpendapat bahawa ilmu Al-Qirā'at ini sangat penting untuk dipelajari oleh umat Islam yang berminat di dalam bidang ini. Untuk menjayakan program ini :-

- i) Kerajaan hendaklah menaikkan taraf Ma'had Tahfiz kepada Ma'had Al-Qirā'āt di seluruh negeri. Qirā'āt yang diajarkan di Ma'had tersebut hanya Qirā'āt Tujuh sahaja. Manakala Ma'had Al-Qirā'āt di Wilayah Persekutuan pula dijadikan Ma'had Al-Qirā'āt bahagian tinggi. Keluaran atau kelulusan dari Ma'had Al-Qirā'āt negeri diterima masuk belajar di Ma'had Al-Qirā'āt Wilayah sekiranya mereka ingin mendalamkan lagi pengkhususan di dalam bidang ini. Di sini perlu diajarkan Qirā'āt sepuluh dan Qirā'āt empat belas.
- ii) Al-Qirā'āt perlu dikembangkan dan diajar di pusat-pusat pengajian tinggi seperti di Akademik Islam Universiti Malaya, Fakulti Islam Universiti Kebangsaan Malaysia dan di Universiti Islam Antarabangsa.
- iii) Al-Qirā'āt juga perlu didedahkan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah agama iaitu bermula dari tingkatan empat hingga tingkatan enam atas.
- iv) Al-Qirā'āt juga perlu didedahkan kepada masyarakat umum melalui media elektronik iaitu radio dan television, sekurang-kurangnya satu jam atau 45 minit seminggu. Mudah-mudahan dengan pendedahan tersebut masyarakat umum dapat memahami sedikit demi sedikit tentang Al-Qirā'āt.
- v) Akhir sekali melalui media percetakan, Al-Qirā'āt perlu ditulis di dalam akhbar-akhbar dan majallah-majallah di bahagian agama agar masyarakat umum dapat membaca dan mengikuti dari masa ke semasa di dalam ruangan tersebut tentang Ilmu Al-Qirā'āt ini

Sekiranya Ilmu Al-Qirā'at ini dapat didedahkan melalui media elektronik, percetakan, pusat-pusat pengajian tinggi, sekolah-sekolah menengah agama dan Ma'had Al-Qirā'at, maka tidak sangsi lagi bahawa suatu hari nanti Malaysia akan menjadi tempat tumpuan pembelajaran Ilmu Al-Qirā'at di rantau ini.

GLOSARI

Mutawātir	:	Nukilan yang berterusan tidak ada cacat cela dan tidak terputus perawinya (perawinya berhubung kait di antara satu sama lain).
Perawi	:	Orang yang meriwayat.
Mutakallimin	:	Tauhid
Sahabat	:	Orang yang bertemu dengan nabi dan beriman , dengannya semasa nabi jadi rasul.
Tābi'īn	:	Orang yang bertemu dan belajar kepada sahabat.
Tābi'īn Al-Tābi'īn	:	Orang yang bertemu dan belajar kepada tabi'in.
Lahjat	:	Dialek.
Lughat	:	Bahasa
Masdar	:	Nama terbitan
Qurrā'	:	Kata jamak dan kata mufradnya ialah Qāri bererti orang yang membaca dan mengetahui masalah Qirā'at Al-Qur'ān diakui ketokohan mereka secara ijmak.
Al-Taysir	:	Sebuah kitab yang membincarkan tentang Al-Qirā'at yang dikarang oleh Al-Hafiz 'Uthmān Al-Dani.
Al-Musyafahat	dan Al-Sama'	Iaitu pengambilan dari mulut kemulut secara lisan dan berhadapan dengan guru dengan cara mendengar penuturan perkataannya.
Bayān	:	Penjelasan.
'Ijāz	:	Perkataan masdar dari katakerja 'ajaza bererti melemahkan. 'Ijaz Al-Qur'ān ialah sesuatu yang tinggi dan indah di segi bahasa dan sasteranya mengatasi segala daya usaha manusia.
Idghām	:	Iaitu menyatukan atau memasukkan huruf pertama yang bertanda sukun ke dalam huruf kedua yang berbaris sehingga keduanya menjadi satu huruf yang bertasyid.

- Gharib al-Qur'an : Kalimah-kalimah (perkataan-perkataan) Al-Qur'an yang sukar difahami.
- Fara'id : Ilmu yang membicarakan tentang pembahagian harta di dalam Islam.
- Tajwid : Ilmu yang menerang tentang kaedah bacaan Al-Qur'an iaitu dengan menyempurnakan penyebutan hak-hak hurufnya mengikut kaedah dan hukum-hukum tertentu.
- Rasm 'Uthmāni : Penulisan Al-Qur'an mengikut mushaf sayyidina 'Uthmān.
- Takhfif : Menutur perkataan dengan tidak ada syaddat atau tasydid, seperti kadhaba "كذب"
- Mushaf : Al-Qur'an.
- Sanad : Perawi hadith.
- Thabit : Sanadnya tidak terputus-putus, berterusan hingga kepada tempat ambilan.
- Salaf : Orang yang hidup selepas Nabi Muhammad s.a.w hingga ke 300 tahun (termasuk sahabat, tabi'in, tabi'in al-tabi'in).
- Khalaf : Orang yang hidup selepas daripada 300 tahun hingga ke hari qiamat.
- Muhājirin : Orang Mekah yang berhijrah ke Madinah.
- Ansār : Penduduk Madinah.
- Al-Taurat : Kitab suci yang diturunkan kepada Nabi Musa
- Al-Injil : Kitab suci yang diturunkan kepada Nabi 'Isā
- Al-Qur'an : Kitab suci yang terakhir diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w.
- Ulamak usul : Ulamak metodoloji hukum-hukum Islam
- Jazakamullahukhayra : Allah membalas jasa baik kamu

<i>z̄nār</i>	: Iaitu menyebut huruf dengan jelas tanpa mad, tanpa dengung dan tanpa saktah.
Mad	: Iaitu memanjangkan suara atau sebutan pada kadar dua hingga enam harakat pada salah satu huruf mad yang tiga.
Təfk̄im	: Menurut bahasa : tebal, menurut istilah ilmu tajwid: ibarat kekuatan masuk pada bunyi hingga bunyinya memenuhi mulut. Contohnya يُنْصَرُونَ
Tarqiq	: Menipiskan sebutan huruf "ر" yang berbaris bawah, contohnya بِرْزَقًا dan huruf "ر" yang didahului oleh "ى" sakinhah, contohnya فَدِيرٌ .
Qasr	: <ul style="list-style-type: none"> i) Bacaan mad pada kadar dua harakat. Misalnya apabila membaca mad ja'iz munfasil. Contohnya "وَمَا أَنْزَلَ" ii) Menghilangkan bacaan mad asli bagi sesetengah qurrā'. Contohnya بِمَا عَاهَدْتُمْ dibaca sebagai بِمَا عَاهَدْنَا.
<i>Qirā'at_</i> syadh:	Kaedah bacaan yang jarang dibaca dan bertentangan dengan kaedah yang sepatutnya.
<i>Qirā'at_</i> mutawātirat :	Bacaan yang dipindahkan atau dinaqalkan daripada Rasulullah s.a.w oleh para qurrā' sahabat kepada qurrā' tābi'in yang memindahkannya pula kepada para tābi'in al-Tābi'in, dan kemudian dipindahkan bacaan tersebut oleh qurrā' ini kepada qurrā' yang seterusnya.
<i>Qirā'at_</i> masyhūrat :	Bacaan yang sah sanadnya tetapi tidak mencapai tahap mutawātir. Walau bagaimana pun, bacaan ini menepati kaedah bahasa Arab dan Rasm 'Uthmāni serta masyhur di kalangan para qurrā'.
Sya'er Jahili :	Sya'er yang ditulis di zaman sebelum Islam
Sya'er Mukhadram :	Sya'er yang ditulis oleh penya'er yang hidup di dua zaman iaitu zaman jahiliyah dan Islam, contohnya penya'er Hassan bin Thabit.

Maf'ul	:	Objek
Jamak	:	Plural
Ilahi	:	Allah
Jamak Taksir:		Broken Plural
Majzum	:	Jussive
Mansub	:	Accusitive